

Falsafah dan Tasawuf dalam Pemikiran Ibn ‘Arabi

Philosophy and Mysticism According to Ibn ‘Arabi

Abd Rahman Tajudin¹ & Faudzinaim Badaruddin

Terima 27 MAC 2018	Wasit 30 APRIL 2018
-----------------------	------------------------

ABSTRAK

Permasalahan kajian ini adalah Ibn ‘Arabi dikategorikan sebagai seorang tasawuf-falsafi yang sesat kerana tasawufnya terpengaruh dengan falsafah luar daripada Islam dan bukan berlandaskan Al-Qur’an dan Al-Sunnah. Maka objektif kajian ini adalah cuba mengenalpasti bidang falsafah yang dibincangkan oleh Ibn ‘Arabi dari aspek ontologi, epistemologi, metodologi dan aksiologi yang dikatakan sesat itu. Kajian ini juga cuba mengenalpasti bidang tasawuf yang disentuhnya dari aspek shari‘at, tariqat, haqiqat dan ma‘rifat untuk menampakkan ketulenan tasawufnya. Maka kawasan kajian ini berkenaan dengan dua bidang iaitu ilmu falsafah dan ilmu tasawuf yang disentuh oleh Ibn ‘Arabi. Kemudian kedua-dua bidang tersebut dikaji perkaitannya dengan dalil Al-Qur’an dan Al-Sunnah. Oleh yang demikian, penyelidikan ini merupakan sebuah kajian analisa kandungan secara deskriptif mengenai pemikiran Ibn ‘Arabi dalam sintesis falsafah dan tasawuf. Hasil kajian ini mendapati bahawa Ibn ‘Arabi merupakan seorang ahli tasawuf Islam yang tulen, namun memberi komitmen terhadap bidang falsafah kerana mempunyai kepentingan dan tunjangnya daripada dua sumber islam yang autentik iaitu al-Qur’an dan al-Sunnah. Oleh itu, penyelidikan kualitatif ini adalah kajian kepustakaan ke atas dua karya magnum opusnya Futuhat al-Makkiyyat dan Fusus al-Hikam untuk meneliti kedua-dua aspek falsafah dan tasawuf. Kajian ini mempunyai sumbangan ilmiah kepada masyarakat Islam agar tidak menjauhi pemikiran unggul Ibn ‘Arabi, disebabkan beliau cuba mengharmonikan kedua-dua bidang yang sangat penting iaitu falsafah dan tasawuf. Tafsiran baru ditemui kerana wujud nilai saintifik yang bersifat falsafah di setiap perbicaraannya dalam tasawuf beliau. Implikasi kajian ini akan memberi konotasi baru bahawa Ibn ‘Arabi sebenarnya ahli tasawuf-sunni tulen, namun telah mengungkapkan ilmu tasawuf melalui ilmu falsafah dalam menerangkan suatu hakikat. Lantas ia membuka lembaran baru untuk kajian lanjutan dalam pemikiran Ibn ‘Arabi.

Kata kunci: Ibn ‘Arabi, falsafah, tasawuf, tasawuf-sunni.

ABSTRACT

The problem of this study is that Ibn ‘Arabi is categorized as a misguided member of philosophical mysticism tradition as his tasawuf or mystical teaching is influenced by the philosophy that is rooted outside the culture of Islamic knowledge and does not based on the Qur'an and al-Sunnah. Hence, the objective of this study is to identify the philosophical fields discussed by Ibn ‘Arabi i.e ontological, epistemological, methodological and axiological aspects, which are alleged as againts the teaching of Islam. This study also attempts to identify the fields of Sufism that he discusses i.e, the aspects of shari‘at, tariqat, haqiqat and ma‘rifat, as a step to reveal the authenticity of his tasawuf. Therefore, this study area deals

¹ Abd Rahman Tajudin, Jabatan Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. abdrahmantajudin@gmail.com

with philosophy and tasawuf discussed by Ibn 'Arabi. Then these two areas are examined in order to relate its connection with the proofs from the Qur'an and the Sunnah. This research is a descriptive content analysis study of Ibn 'Arabi's synthesis thinking of philosophy and tasawuf. The results of the study found that Ibn 'Arabi was a pure Islamic tasawuf member, yet committed to the field of philosophy since the philosophy tradition has its significance and foundation from the Qur'an and the al-Sunnah as the authentic Islamic sources. This qualitative research is based on two major works of Ibn 'Arabi i.e, Futuhat al-Makkiyyat and Fusus al-Hikam , which are substantial in order to examine his discourse of both aspects of philosophy and tasawuf. This study contributes to the Muslim community to appreciate the contribution of Ibn 'Arabi's unique thought on the subject, as he tried to harmonize and incorporate philosophy and tasawuf, which are among the most important fields of knowledge in Islam. This study also found new philosophic value which is scientific at each interpretation of Ibn 'Arabi's tasawuf. The implication of this study offers a new connotation that Ibn 'Arabi is actually a pure tasawuf-sunni scholar, who applies philosophical approach in revealing the mystical knowledge and reality. This implication opens a new chapter for further study of Ibn 'Arabi 's thought.

Keywords: *Ibn 'Arabi, philosophy, tasawuf, tasawuf-sunni.*

Pendahuluan

Ibn 'Arabi merupakan seorang ilmuwan Islam yang sangat prolif dan unik kerana banyak karyanya terhasil dalam tempoh masa yang tersangat singkat.² Kajian terbaru yang dilakukan oleh Othman Yahya di dalam bibliografinya *Historie et Classification de l'oeuvre d'Ibn 'Arabi* mendapati lebih daripada 846 judul kitab yang dikarang oleh *Ibn 'Arabi*, lantas meletakkannya sebagai ilmuwan yang paling prolif dalam dunia akademik.³ Hampir kebanyakan kajian berkenaan tokoh ilmuwan Islam terkini adalah berkisar tentang pemikiran *Ibn 'Arabi* di dunia timur dan barat, sehinggakan wujud institusi seperti *Ibn 'Arabi Society* semata-mata mahu mengkaji pemikiran beliau.⁴ Namun demikian, kajian tentang pemikirannya telah melahirkan dua aliran mazhab, iaitu yang pro dan kontra kepada pemikiran *Ibn 'Arabi*.⁵ Mazhab yang pro kepada pemikiran beliau mengatakan beliau adalah seorang ulama' sejati yang merupakan seorang ahli tasawuf tulin,⁶ manakala yang kontra terhadapnya menganggap beliau sebagai seorang yang sesat dan merupakan ahli falsafah

² Fakhry, *A History of Islamic Philosophy* (America, Columbia University Press, 2004), 400.

³ Fakhry, *A History of Islamic Philosophy* (America, Columbia University Press, 2004), 400.

⁴ Institut Ibn 'Arabi Society ini boleh didapati di laman sesawang <http://www.Ibnarabisociety.org/>

⁵ Kata-kata Taha 'Abd al-Baqi berkata : "Sejarah pemikiran Islam tidak pernah menyaksikan pertelagahan dan dialog yang mengatasi kehebatan dan kesengitan pertelagahan dan dialog yang berlegar di sekitar Muhyi al-Din. Tidak keterlaluan jika aku mengatakan: Sesungguhnya Muhyi al-Din suatu bendera yang berlegar di sekitarnya peperangan antara golongan sufi dengan musuh-musuh mereka dari pelbagai puak, kumpulan dan aliran yang wujud (yang berlaku) sejak kurun ketujuh Hijrah sehinggalah zaman kita ini". Perihal yang sama ditegaskan oleh 'Affifi seperti berikut : "There has never been in the whole history of Islam another man whose faith has been so much in question. The controversy over Ibn 'Arabi orthodoxy spread far and wide, and occupied the minds of the muslims for centuries. We may even say that some traces of it are still to be found." Lihat. 'Affifi, "Ibn 'Arabi", dalam *History of Muslim Philosophy*, 1:405.

⁶ Sadr al-Din al-Qunawi antara orang yang membela pemikiran Ibn 'Arabi. "Sadr al-Din sendiri, dalam tahun tahun selepasnya, bertindak sebagai eksponen utama kepada pengajaran pengajaran Ibn 'Arabi dan telah meninggalkan banyak komentar penting berhubung dengan hasil-hasil tulisan gurunya. Tambahan pula, Sadr al-Din adalah penghubung antara Syeikh Andalusia yang masyhur itu dengan banyak wakil utama tasawuf Parsi, khususnya Jalal al-Din Rumi".

yang terkeluar daripada Islam.⁷ Adapun punca tercetusnya kontra ini disebabkan fahaman-fahaman falsafahnya yang dianggap cedokan dari luar konteks Islam.⁸ Namun ada juga pro terhadapnya kerana beliau diposisikan sebagai ahli tasawuf yang tenggelam dalam *tajribah al-sufiyyah* yang memahami hakikat sebenar intipati ajaran Islam.⁹ Namun setelah berlalunya sejarah, banyak teori-teori ilmu sains pula kini hampir sama dengan apa yang diperkatakannya di dalam banyak kitabnya.¹⁰ Lantas nama beliau kembali dipostulatkan sebagai ahli falsafah Islam yang sangat signifikan dengan masa kini. Maka terjadinya pergantian dua istilah ilmu yang dikaitkan dengan beliau sama ada beliau adalah ahli falsafah atau ahli tasawuf atau kedua-duanya sekali. Oleh yang demikian, kajian ini cuba membuat satu analisa tentang pemikiran *Ibn 'Arabi* dari kedua-dua kacamata ilmu falsafah dan ilmu tasawuf sekaligus untuk menilai kebenaran. Kajian ini memfokuskan tentang aspek-aspek penting dalam pemikiran *Ibn 'Arabi* dari segi *shari'at*, *haqiqat*, *tariqat* dan *ma'rifat* dalam ilmu tasawuf, sekaligus membincangkan pendapatnya tentang ontologi, epistemologi, metodologi dan juga aksiologi dalam dunia ilmu falsafah.

Permasalahan Kajian

Ibn 'Arabi diklasifikasikan sebagai tokoh tasawuf-falsafi.¹¹ Tasawuf-falsafi didefinisikan sebagai tasawuf yang terpengaruh dengan fahaman-fahaman falsafah yang bukan berlandaskan ajaran Islam.¹² Lantas menyebabkan bentuk tasawuf ini dikafirkan dan dikatakan sesat. Ia dikatakan sedemikian kerana tidak memenuhi aspek sunnah yang diajari

⁷ Antara penentang yang kuat terhadap pemikiran Ibn 'Arabi ialah Taqi al-Din al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim Ibn 'Abd al-Salam bin Taymiyyah (meninggal 728H. / 1328) yang menuduh Ibn 'Arabi sebagai ahli falsafah sufi yang mulhid. Ibn Taymiyyah berkata : "Sesungguhnya (Ibn 'Arabi) mengambil (sumber keilmuannya) dari suatu 'lombong', di mana malaikat juga mengambil (sumber ilmu dari 'lombong' tersebut) yang kemudiannya, diwahyukan kepada Rasul. 'Lombong' pada sisi Ibn 'Arabi adalah 'akal', sedangkan malaikat adalah khayal. Khayal sebenarnya tabi' kepada akal. Oleh itu Ibn 'Arabi menyangkal bahawa beliau mengambil (sumber ilmunya) dari tunjang (asal) khayal sedang Rasul cuma mengambil (sumber ilmunya) dari khayal sahaja. Jadinya, diri (Ibn 'Arabi) lebih tinggi daripada Nabi".

⁸ Ibn Tulun, *Tahdhir al-'Ibad min al-Hulul wa al-Ittihad* (t.tp: t.pt. . t.t.).

⁹ Kata kata Siraj al-Din al-Balqini yang menganggap Ibn 'Arabi adalah seorang ilmun yang bertaraf wali: "...awaslah kamu daripada mengingkari sesuatu ucapan al-Syeikh Muhyi al-Din. Sesungguhnya beliau waktu terjun ke dalam lautan ma'rifah dan merealisasikan al-Haq'iq, telah merakamkan pada akhir umurnya, ke dalam Fusus al-Hikam, al-Futuhat, al-Tannazullat al-Mawaliyyah dan juga tulisan-tulisan lain, yang tidak lagi merupakan sesuatu yang tersembunyi, kepada orang yang berada pada 'paras'nya daripada kalangan ahl al-isharat. (Tetapi), setelah itu muncul selepasnya golongan yang 'buta' mengenai tarikatnya, lalu menyalahkan beliau dalam hal tersebut, malah mengkafirkan beliau berasaskan ucapan-ucapan yang beliau tulis; sedangkan mereka tidak memiliki pengetahuan berhubung dengan istilah-istilah (yang beliau gunakan), dan tidak pula mereka bertanya untuk mendapatkan keterangan. Demikianlah sesungguhnya ucapan al-Syeikh tertakluk di dalam rumuz, rawabit, isharat, dawabid, hadhaf mudafat, yang segala itu terkandung dalam maklumat ilmu beliau dan orang yang seumpamanya; sedang golongan yang jahil, tidak mengetahuinya. Jikalau mereka menyelidik kalimat-kalimat bersama dala'il dan tatbiqatnya, serta mengetahui pula nata'ij dan muqaddimahny, pasti mereka akan mendapat hasil yang mereka kehendaki tanpa wujudnya perbezaan antara pegangan mereka dengan pegangan (al-Syeikh)". Lihat. al-Sya'rani, *al-Yawaqit* Jil. 1. (t.tp: t.p., t.t.), 10.

¹⁰ Sebagai contoh, tulisan Mohammed Haj Yousef, *Ibn 'Arabi - Time & Cosmology* (t.tp: Routledge Taylor & Francis Group. 2000), Buku ini menyatakan bahawa kajian sains terhadap masa dan krelatifannya sama dengan apa yang diperkatakan oleh Ibn 'Arabi.

¹¹ Fadli Rahman. *Akhlah Tasawuf: Pengantar ke Dunia Esoteris Islam*. (Malang: In-TRANS Publishing. 2007), 137.

¹² Menurut Ibn Khaldun dalam kitabnya *al-Muqaddimah* yang dikutip oleh Taftazani menyatakan bahawa tasawuf-falsafi ajaran yang menyatukan isi mistik dan visi rasional sekaligus. Ajarannya menggunakan terminologi falsafah dalam pengungkapan. Ia kaya dengan pemikiran falsafah emanasi dan neo-platonisme. Contohnya falsafah hulul oleh al-Hallaj, wahdat al-wujud oleh Ibn 'Arabi, wujud al-mutlaq oleh Ibn Sab'in.

oleh Rasulullah S.A.W. Ia merupakan hasil cebisan idea pemikiran manusia daripada tamadun-tamadun lain, bukan daripada wahyu kenabian. Sebagai lawannya, kerangka tasawuf-sunni diperkenalkan. Tasawuf-sunni didefinisikan sebagai tasawuf yang mengikuti ajaran nabi dan al-Qur'an. Tasawuf-sunni sepatutnya yang harus diterima dalam Islam dan menolak tasawuf-falsafi.¹³

Persoalannya apakah benar *Ibn 'Arabi* tergolong di dalam tasawuf-falsafi ini yang berlawanan dengan ajaran Nabi Muhammad S.A.W? Sejauh mana aspek falsafah *Ibn 'Arabi* dikatakan sesat? Bukankah hikmah itu juga sangat dipentingkan dalam ajaran Islam yang sama maksudnya dengan perkataan falsafah? Apakah kerangka tasawuf-falsafi yang diistilahkan sebagai bukan bersifat Islam, hasil cedokan luar dari tamadun bukan Islam itu terkandung dalam pemikiran *Ibn 'Arabi* ataupun adakah *Ibn 'Arabi* sebenarnya mensintesiskan falsafah/hikmah dan tasawuf atas dasar kedua-duanya penting/dituntut dalam Islam? Apakah sebenarnya *Ibn 'Arabi* mengadunkan falsafah ke dalam tasawufnya juga menepati hadith-hadith yang telah digariskan oleh Al-Sunnah Rasulullah S.A.W? Apakah ada dari nas-nas/dalil dari Al-Qur'an yang menyokong bahawa sebenarnya *Ibn 'Arabi* juga merupakan salah seorang tasawuf-sunni? Jika demikian, satu hipotesis dikeluarkan bahawa yang sebenarnya beliau tokoh tasawuf-sunni hakiki yang hanya mensintesis cebisan falsafah/hikmah yang juga merupakan subjek yang sangat penting dalam Islam. Apa yang sebenarnya berlaku adalah *Ibn 'Arabi* menggunakan kedua-dua ilmu tersebut; ilmu falsafah digunakan di dalam menjelaskan dan mensyarahkan ilmu dan disiplinnya yang bersifat zahir, dan menggunakan ilmu tasawuf di dalam merasai kelazatan ilmu yang luas yang bersifat batin. Atau adakah *Ibn 'Arabi* ingin menyatakan bahawa menggunakan metode tasawuf yang menyeluruh itulah cara yang terbaik setelah metode falsafah tidak mampu mencakupi hal-hal yang nisbi dan relatif?

Falsafah dan tasawuf adalah merupakan dua bidang universal yang menjadi perhatian dan perbincangan pada masa dahulu sehingga kini. Kedua-dua bidang ini didapati mampu menemui ilmu pengetahuan/sains dan makrifat hakikat. Pelbagai teori, konsep, dan ciri-ciri kedua-dua bidang dibahas dan diuraikan oleh para ilmuwan. Jika diteliti, berlaku polarisasi pencarian ilmu di dunia barat dan timur. Ini jelas dilihat apabila kebanyakan negara sebelah timur mementingkan aspek mistik dan rohani yang bersifat tasawuf, manakala dunia barat pula mementingkan aspek rasional dan imperikal yang bersifat falsafah. Didapati kedua-dua ilmu falsafah dan ilmu tasawuf dilihat terpisah antara kedua belahan dunia timur dan barat. Kedua ilmu ini sering berkonfrontasi dalam mendapatkan ilmu dan kebenaran secara metode yang berlainan. Hal ini kerana kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri dari sudut pandang yang berlainan. Masalah konfrontasi ini mendorong untuk mengkaji tokoh ini yang dikatakan sebagai tokoh tasawuf-falsafi dari sudut kedua-dua bidang ini mempunyai nilainya yang tersendiri.

Sebagai permulaan, topik falsafah berkenaan "masa" dikatakan pernah disinggung oleh *Ibn 'Arabi* di dalam kitabnya. Sebagai contohnya, Mohd. Haj Yousuf yang mengkaji kitab karangan *Ibn 'Arabi* telah mendapati bahawa definisi-definisi *Ibn 'Arabi* tentang "masa" menepati aspek sains moden dari aspek dunia Falsafah. Definisinya sesuai dengan hukum relatif Einstein-Podolsky-Rosen.¹⁴ Hukum tersebut merupakan kerangka dunia fizik dalam penciptaan teknologi pada masa hadapan dalam aspek merentas masa. Dalam kajian ini juga Mohd. Haj Yousuf menyatakan bahawa perlunya kajian semula yang mendalam terhadap

¹³ Amin Syukura, *Menggugat Tasawuf* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar. 2002), 36.

¹⁴ Mohd Haj Yousuf, *Ibn 'Arabi – Time and Cosmology* (T.tp: Routledge Taylor & Francis Group. 2000), 20-80.

tulisan-tulisan *Ibn ʿArabi* bagi menggali aspek sains daripada bahasa tulisannya kerana definisi-definisi beliau sesuai dan relevan dengan hukum sains moden terkini. Ini meletakkan *Ibn ʿArabi* merupakan seorang ahli falsafah yang membincangkan tentang masa iaitu salah satu persoalan falsafah yang sangat hebat.

Persoalannya apakah persoalan-persoalan tasawuf dan falsafah yang disentuh oleh *Ibn ʿArabi* didalam kerangka pemikirannya? Adakah ia menyentuh kesemua aspek tasawuf dan falsafah sekaligus atau hanya sebahagiannya sahaja? Apakah cara dan metode *Ibn ʿArabi* dalam mendapatkan ilmu? Adakah melalui falsafah yang menggunakan metodologi akal dan spekulasi ilmiah, atau melalui tasawuf yang menggunakan metodologi hati dan pencerahan spiritual? Apakah epistemologi, metodologi, ontologi dan aksiologi yang dibahaskan oleh *Ibn ʿArabi* dalam ilmu dan hakikat sehingga definisinya begitu sesuai dengan ilmu sains moden kini?

Berdasarkan kepada latar belakang kajian di atas, dapatlah disimpulkan beberapa permasalahan mengapa pengkaji memilih untuk membuat kajian mengenai tajuk ini adalah berkenaan aspek sintesis tasawuf dan falsafah beliau. Permasalahan-permasalahan tersebut adalah:

- 1) Benarkan *Ibn ʿArabi* dikategorikan dalam kerangka tasawuf-falsafi yang dikatakan bukan dari ajaran sunah sebenarnya? Jikalau tidak sedemikian, apakah asas-asas atau dalil-dalil dari Al-Qur'an dan Al-Hadis yang menyokong bahawa sebenarnya *Ibn ʿArabi* mensintesis falsafah dan tasawuf yang merupakan dua subjek penting dalam intipati Islam?
- 2) Apakah persoalan-persoalan tasawuf yang diketengahkan dri aspek shari'at, haqiqat, tariqat dan ma'rifat. Apakah keempat-empat ini wujud di dalam kitabnya? Lantas memungkinkan beliau teguh berdiri untuk dipostulatkan sebagai tokoh tasawuf-sunni sejati yang sealiran dengan ulama muktabar?

Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengubah paradigma yang menyatakan bahawa *Ibn ʿArabi* tergolong di dalam tasawuf-falsafi yang banyak mengandungi fahaman-fahaman luar yang bercanggah dengan ajaran Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Kajian ini juga cuba mengubah paradigma kerangka bahawa tasawuf-falsafi yang dikaitkan dengan *Ibn ʿArabi* yang merupakan cedokan dari luar tamadun barat sebenarnya wujud di dalam sunah nabi yang seterusnya menyatakan bahawa sebenarnya *Ibn ʿArabi* juga merupakan salah seorang tokoh tasawuf-sunni, yang cumanya hanya mensintesiskan falsafah dan tasawuf dengan memasukkan elemen hikmah yang memang dititikberatkan dalam ajaran Islam. Maka, kajian ini sebagai mencari satu gagasan baru yang menggunakan fikir-zikir melalui warisan bernilai daripada *Ibn ʿArabi* yang akan menguntungkan cara manusia mencari kebenaran dan kebahagiaan dunia-akhirat.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan-permasalahan di atas, terdapat beberapa objektif yang ingin pengkaji capai dalam kajian ini bagi menjawab permasalahan-permasalahan tersebut, iaitu:

- 1) Menghuraikan perbincangan *Ibn ʿArabi* dalam aspek ontologi, metodologi, epistemologi, dan aksiologi yang terkandung di dalam ilmu falsafah yang selaras dengan ajaran Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Melalui huraian ini ia dapat menyatakan bahawa falsafah yang dibincangkannya bersumberkan dari sumber Islami iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah.
- 2) Menjelaskan perbincangan *Ibn ʿArabi* dalam aspek shari'at, haqiqat, tariqat dan ma'rifat di dalam ilmu tasawuf yang selaras dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Melalui sisi ini, beliau bolehlah dikategorikan sebagai tokoh tasawuf-sunni kerana bertunjangkan keempat aspek ini dan disokong dalilnya dari sumber Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Batasan Kajian

Kajian ini secara umumnya adalah mengkaji pendapat, pemikiran, penulisan, dan pendekatan *Ibn ʿArabi* berkenaan ilmu falsafah dan tasawuf.

Manakala, secara khususnya pula ialah ingin mengkaji topik tasawuf dalam aspek *shari'at, tariqat, haqiqat* dan *ma'rifat* di dalam penulisan *Ibn ʿArabi*. Dan juga mengkaji hal-hal yang berkaitan dalam topik falsafah dengan meneliti aspek ontologi, epistemologi, metodologi, dan juga aksiologi dalam pemikirannya.

Ia juga sebagai persediaan untuk kajian yang akan datang untuk membentuk satu modul *Insan al-Kamil* yang berkemungkinan mengandungi kekuatan intelektual, emosional, spiritual dan fizikal dalam aspek perbincangan ilmiah bereksperimental dan juga aspek zikir-rasa bertariqat.

Ini bermakna kajian ini terbatas sekitar mencari aspek-aspek tasawuf dan falsafah dalam dua buku magnum opusnya *Futuhat al-Makkiyyat* dan *Fusus al-Hikam* serta sebahagian kitabnya yang lain. Lantas kaitannya dengan dukungan daripada Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Kajian ini tidak membincangkan konsep *wahdat al-wujud* secara mendalam yang selalui dikaitkan dengan *Ibn ʿArabi*. Ia juga tidak akan membincangkan berkenaan dengan konsep masa "timelessness" *Ibn ʿArabi* yang kini dibincangkan ramai sarjana berkenaan dengan pemikirannya.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Menurut Norman Blaikie, Metode kajian kualitatif hendaklah mengandungi masalah kajian, yang mana masalah ini memerlukan persoalan-persoalan yang hendak dijawab seperti apa, kenapa dan bagaimana.¹⁵ Masalah utama kajian ini ialah apakah benar *Ibn ʿArabi* dikategorikan sebagai mengamalkan tasawuf-falsafi yang tekeluar daripada ajaran Al-Qur'an dan Al-Sunnah? Apakah sebenarnya tasawuf dan falsafah menurut *Ibn ʿArabi* yang sebenar-benarnya? Maka metod kajian ini cuba mengenal pasti, cuba menjelaskan karakter dan cuba menerangkan sistem tasawuf dan falsafah *Ibn ʿArabi*. Maka kajian ini menggunakan metod secara deskriptif, iaitu mengkaji

¹⁵ Norman Blaikie, *Designing Social Research*. 4 Edition. (T:pt: Blackwell Publishing Ltd, 2004).

tentang karakter tasawuf dan falsafah *Ibn ʿArabi*. Ia cuba meneliti paten dan bentuk falsafahnya. Maka, pendekatan yang sesuai adalah *content analysis approach*, iaitu meneliti-ulang tulisan *Ibn ʿArabi* dengan menyelaraskan perkaitan yang erat dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Oleh itu, metode kajian yang akan pengkaji gunakan adalah analisis kandungan secara deskriptif yang mana melalui kaedah ini, pengkaji akan menganalisa data dan maklumat-maklumat daripada sumber-sumber primer iaitu kitab-kitab karangan *Ibn ʿArabi* terutama *Futuhat al-Makkiyyat* dan *Fusus al-Hikam* yang menjelaskan mengenai pemikiran dan pendapat-pendapat beliau mengenai bidang falsafah dan tasawuf. Selain itu, data-data sekunder seperti jurnal, tesis, latihan ilmiah, buku, majalah dan lain-lain lagi daripada penulis-penulis lain yang berkaitan turut pengkaji ambil untuk dijadikan rujukan.

Dalam hal analisa kandungan ini tentulah ia melibatkan proses data. Proses data ini adalah melibatkan dua hal iaitu mengumpul data dan menganalisa data. Data akan dikumpul melalui textual *Ibn ʿArabi* yang berkaitan dengan falsafah dan tasawuf terutama dalam kitab *Futuhat al-Makkiyyat* dan *Fusus al-Hikam*.

H. Russell Betrand menyatakan bahawa kaedah kualitatif yang berbentuk data mempunyai 3 bentuk iaitu data audio, data video dan data text.¹⁶ Dalam kajian ini, data text akan digunakan terhadap kitab *Ibn ʿArabi*. Menurut beliau lagi, analisa data text pula samaada berbentuk text as proxy for experience atau text as object of analysis.¹⁷ Text as proxy for experience pula ialah systematic elicitation dan free-flowing text. Systematic elicitation berupa analisa free list, pile sorts, paired comparisons, triad tests dan frame substitution. Manakala free-flowing text menganalisa tentang perkataan dan kod. Perkataan termasuklah keyword in context, word count, semantik dan peta minda.¹⁸ Manakala bentuk analisa text yang kedua iaitu text as object of analysis adalah menganalisa tentang tulisan, struktur tatabahasa, penampilan, dan penceritaan di dalam text. Dalam hal ini, pengkaji akan menggunakan analisa text as object of analysis yang mana teks *Ibn ʿArabi* akan dianalisa untuk meneliti berkenaan ruang-ruang tasawuf dan falsafah yang disentuhnya.

Manakala dalam hal menganalisa data ini pula, Nachmias menyatakan bahawa terdapat dua bentuk coding dalam hal data.¹⁹ Menurutnya, Membina Skema Coding ini melibatkan dua cara iaitu induktif dan deduktif.²⁰ Coding yang berbentuk deduktif ini ialah dengan cara membina beberapa kategori yang bersesuaian daripada hukum dan prinsip yang sedia ada. Maka pengkaji akan menggunakan kaedah deduktif ini. Ini bermakna pengkaji akan mengkategorikan dan mengklasifikasi pemikiran *Ibn ʿArabi* ini kepada dua aspek iaitu aspek tasawuf dan aspek falsafah. Kemudian dari aspek falsafah ini pula akan dibahagikan kepada empat aspek iaitu ontologi, epistemologi, metodologi dan aksiologi mengikut prinsip utama di dalam dunia falsafah. Manakala dari aspek tasawuf pula, ia akan dibahagikan kepada klasifikasi shari'at, haqiqat, tariqat dan ma'rifat mengikut prinsip di dalam dunia tasawuf. Maka dengan coding deduktif ini dapatlah dinyatakan bahawa *Ibn ʿArabi* merupakan

¹⁶ H.Russell Betrand, *Data Management & Analysis Method* ed. Norman K.Denzin & Yvonna S. Lincon. (London: Sage Publication. 2003), 260.

¹⁷ Ibid., 261.

¹⁸ Ibid., 272.

¹⁹ David Nachmias, *Research Methods in the Social Sciences*, Second Edition. (New York: St. Martin's Press New York. 1982), 269.

²⁰ Ibid., 270.

ahli tasawuf sejati dan juga boleh dikatakan sebagai ahli falsafah yang bersepadu yang membincangkan kedua-dua bidang tersebut secara integrasi.

Menurut Blaikie pula, ada empat strategik yang patut digunakan dalam metodologi kajian iaitu induktif, deduktif, retroduktif dan abduktif. Dalam kajian ini, strategi yang dipakai adalah melalui kaedah induktif, di mana data-data yang ditulis oleh *Ibn ʿArabi* dianalisa secara signifikan mengikut kesesuaian topik-topik di dalam perbincangan ilmu falsafah dan topik-topik ilmu tasawuf. Kemudian hal ini diklasifikasikan dan dikarakterikan mengikut kesesuaian. Kaedah Induktif sangat sesuai kerana ia bermatlamatkan untuk menjelaskan apa sebenarnya karakter-karakter falsafah *Ibn ʿArabi* yang dikatakan sesat sehingga mencapai kesimpulan umum bahawa *Ibn ʿArabi* tidak sesat dengan falsafahnya kerana ia bersangkut paut dengan landasan al-Quran.

Kajian ini lebih bersifat induktif secara menyeluruh kerana ia bermula daripada perbincangan perbincangan topik khusus iaitu falsafah *Ibn ʿArabi* yang kononnya dikatakan sesat menuju kepada kesimpulan umum yang menyatakan bahawa sebenarnya perbincangan falsafahnya selaras dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Demikian juga yang berkaitan dengan tasawufnya. Kemudian menjawab persoalan bagaimana data dari Al-Qur'an dan Al-Sunnah menyokong data-data tulisan *Ibn ʿArabi*, yang menyatakan ia adalah serasi dan selaras dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, bukan dari falsafah luar daripada konteks Islam.

Maka kaedah induktif dan deduktif akan digunakan sekaligus dalam kajian ini. Ini bermakna pembahagian tajuk dalam buku ini mengikut kaedah deduktif. Kaedah deduktif ini menentukan pemikiran *Ibn ʿArabi* kepada dua bab iaitu bab tasawuf dan bab falsafah. Kaedah ini diteruskan kepada pembahagian tasawuf kepada empat iaitu shari'at, haqiqat, tariqat dan ma'rifat menurut *Ibn ʿArabi*. Kemudian seterusnya berkenaan falsafah ontologi, falsafah epistemologi, falsafah metodologi dan juga falsafah aksiologi. Kemudian kaedah induksi digunakan di dalam menentukan tasawufnya dan falsafahnya adalah merupakan ajaran yang selaras dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Ini bermakna setelah data-data yang dikumpulkan dari kitab *Ibn ʿArabi* yang membincangkan tentang falsafah dan tasawuf, maka ia akan diserasi dan dibuktikan bahawa keduanya mempunyai perkaitan yang kuat dengan dalil-dalil dan hujahan daripada nas Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Perbincangan

Sepanjang pembacaan pengkaji, rata-rata buku menceritakan bahawa *Ibn ʿArabi* tergolong di dalam tasawuf-falsafi. Tasawuf-falsafi harus dijauhi kerana ia bukan bersumber dari ajaran Islam, ia cedokan dari falsafah luar. Kemudian, pengkaji cuba mencari tentang apa tasawuf *Ibn ʿArabi*, dan apa pula falsafah *Ibn ʿArabi*. Namun, pengkaji masih belum mendapati mana-mana penulisan yang membicarakan tentang *Ibn ʿArabi* dari aspek tasawuf dan falsafah sekaligus. Apa yang ada cuma sebahagian buku yang membicarakannya secara terpisah. Belum ada penulisan yang membicarakan sudut pandang falsafah *Ibn ʿArabi* yang meliputi ontologi, epistemologi, metodologi dan juga aksiologi secara bersepadu dan tersusun. Malah tidak ditemui langsung buku-buku yang membicarakan tentang perkaitan-perkaitan bidang tersebut dengan keserasian Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Demikian juga belum ada pembicaraan tasawuf *Ibn ʿArabi* secara tersusun dari aspek shari'at, haqiqat, tariqat dan ma'rifat secara bersepadu yang berjalan dengan ajaran sunah yang sebenar.

Dari bacaan literature pengkaji dalam Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, ada satu tesis yang ditulis tentang falsafah *Ibn ʿArabi* iaitu "Wahdat al-Wujud (Satu analisa terhadap

sudut pandangan *Ibn ‘Arabi*)” oleh Zakaria Bin Stapa.²¹ Buku tersebut hanya membicarakan tentang kerangka *Wahdat al-Wujud* dari sudut pandangan *Ibn ‘Arabi* dari aspek ontologi sahaja. Kajian tersebut memfokuskan tentang adakah fahaman *Wahdat al-Wujud* sebagai salah satu produk akal semata-mata yang terhasil daripada falsafah-falsafah sebelumnya atau *tajribat as-sufiyyah* yang didapati melalui ilham ilahi. Lanjutan daripada itu kajian tersebut cuba menghuraikan *Wahdat al-Wujud* samaada Allah itu adalah alam semesta atau merupakan sesuatu yang terpisah. Sehingga kajian itu merungkai kekusutan untuk menyelamatkan akidah. Hal ini kerana disebabkan fahaman *Wahdat al-Wujud* disalahfahami dan dianggap sesat yang begitu mencengkam dalam pemikiran kebanyakan persepsi umat Islam. Namun penulis tersebut mengakui banyak aspek lain lagi yang belum dikaji. Aspek itu berkenaan epistemologi, metodologi dan juga aksiologi. Di sana masih ada ruang kosong untuk kajian seterusnya iaitu apakah sebenarnya persoalan-persoalan falsafah yang telah disentuh oleh *Ibn ‘Arabi* yang sebenarnya mengandungi dalil dari Al-Qur’an dan Al-Sunnah dan apa pula bahagian konsep tasawuf yang dialami oleh beliau. Maka disinilah perlunya kajian lanjutan dan suatu wadah baru tentang ontologi *Ibn ‘Arabi* dari kacamata Al-Quran.

Selain daripada itu, satu tesis oleh Ibrahim Hamed Hasan Abu Sualik bertajuk “Insan Kamil Menurut al-Jili: Kajian Akidah Dan Kritikan Menurut Al-Qur’an & Al-Sunnah” yang dikeluarkan pada tahun 2009 juga menyebutkan peranan *Ibn ‘Arabi* dalam memberikan konotasi makna *Insan al-Kamil* dalam pemikiran al-Jili.²² Hal ini berlaku kerana al-Jili dan *Ibn ‘Arabi* merupakan satu aliran pemikiran yang sama. Maka dengan ini, kajian ini memfokuskan hanya tentang makna *Insan al-Kamil* sahaja. Namun, kajian ini hanya terfokus kepada insan semata-mata. Tesis ini hanya berkaitan dengan aspek ontologi dalam falsafah sahaja. Masih ada ruang yang besar lagi yang perlu diterokai selain daripada konsep *Insan al-Kamil* tersebut termasuklah aspek epistemologi ilmu dan metodologi ilmu. Ruang kekosongan tersebut yang tidak didapati adalah kajian lanjutan tentang apakah dan bagaimana *Ibn ‘Arabi* dan tasawuf mempunyai kaitan rapat dengan *Insan al-Kamil* tersebut. Maka ia perlu diterokai berkenaan signifikan antara *Insan al-Kamil* dan sintesis falsafah-tasawuf.

Berkenaan dengan ontologi lagi, Mohd. Haj Yousuf yang mengkaji kitab karangan *Ibn ‘Arabi* telah mendapati bahawa definisi-definisi *Ibn ‘Arabi* tentang “masa” menepati aspek sains moden dalam aspek falsafah. Definisinya sesuai dengan hukum relatif Einstein-Podolsky-Rosen.²³ Hukum tersebut merupakan kerangka dunia fizik dalam penciptaan teknologi pada masa hadapan dalam aspek merentas masa. Dalam kajian ini juga beliau mengagakkan bahawa perlunya kajian semula yang mendalam apa jua bidang terhadap tulisan-tulisan *Ibn ‘Arabi* bagi menggali aspek Sains (baca: Falsafah) daripada bahasa tulisannya kerana definisi-definisi beliau dalam dunia falsafah sesuai dan relevan dengan hukum sains moden terkini. Kajian ini hanya terfokus kepada masa, hanya aspek ontologi, maka masih belum ada lagi kajian tentang falsafah *Ibn ‘Arabi* secara menyeluruh termasuk aspek epistemologi, metodologi dan juga aksiologi. Hal ini kerana masa itu adalah salah satu aspek di dalam ilmu falsafah. Maka ia perlu kajian lanjutan untuk meneliti aspek falsafah ontologi secara menyeluruh dalam tulisan *Ibn ‘Arabi*. Beliau hanya menjelaskan secara ringkas mengenai topik ontologi ini yang bertepatan dengan hukum Rosen-Podolsky. Beliau cuma menyatakan bahawa masa itu tidak tetap dan berubah secara dinamik yang

²¹ Zakaria Stapa, *Wahdat al-Wujud: Suatu Analisa Terhadap Sudut Pandang Ibn ‘Arabi* (Bangi: Jabatan Usuluddin UKM, 1979).

²² Ibrahim Hamed Hasan Abu Sualik, *Insan Kamil Menurut Al-Jili : Kajian Akidah dan Kritikan Menurut Al-Quran & Sunah* (Bangi: Jabatan Usuluddin UKM, 2009).

²³ Mohammed Haj Yousef. *Ibn ‘Arabi-Time & Cosmology*.

memungkinkan manusia boleh merentasi masa. Beliau menjelaskan maksud masa sebagai dua titik pergerakan yang memungkinkan seseorang itu boleh memanjangkan dan memendekkan masa itu kerana ia adalah makhluk yang boleh dimodifikasi. Kajian ini hanya aspek ontologi sahaja, tidak membincangkan aspek epistemologi, metodologi dan aksiologi *Ibn 'Arabi* dalam falsafah. Dengan penjelasan yang sedemikian, di sana ada aspek lain yang tidak disentuh dan tersembunyi yang perlu diterokai lagi dalam aspek falsafah *Ibn 'Arabi* tentang epistemologi, metodologi dan aksiologi yang memungkinkan kajian ini perlu dijalankan. Mohd Haj Yousuf tidak menyatakan aspek-aspek lain dalam dunia falsafah kepada aspek epistemologi ilmu dan sebagainya. Ini membuka ruang kepada kajian seterusnya terhadap aspek- aspek sains/falsafah lain yang mungkin ada dalam kitab *Ibn 'Arabi* yang menyatakan bahawa falsafah *Ibn 'Arabi* adalah benar dan bertepatan dengan sains moden. Jadi kenapa dikatakan falsafah *Ibn 'Arabi* terkeluar dari konteks Islam? Ini juga akan menjadi kajian susulan secara ringkas terhadap dunia sains yang bersifat empirikal. Oleh itu, penulisan beliau juga memerlukan penambahbaikan dan perincian untuk lebih jelas dalam mengkategorikan aspek falsafah yang masih luas lagi yang mempunyai bukti bahawa sintesis falsafah dan tasawuf ini bukanlah tasawuf-falsafi yang dikatakan tidak ada dasarnya dalam Islam.

Selain itu, Rom Landau ada menulis sebuah buku berkenaan falsafah *Ibn 'Arabi* yang bertajuk "The Philosophy Of Ibn 'Arabi". Beliau menyatakan bahawa *Ibn 'Arabi* adalah seorang pemikir yang sangat pragmatik. Nama *Ibn 'Arabi* selaras dan sejajar dengan ahli falsafah seperti Ibn Sina, Ibn Rushd mahupun al-Farabi dalam dunia falsafah. Di sini pula, dalam buku beliau, *Ibn 'Arabi* dipostulatkan sebagai ahli falsafah yang berjaya dalam merangka sebuah sistem kosmologi alam iaitu melalui "unity of being". Menurutnya lagi, falsafah *Ibn 'Arabi* jelas dalam konsep pantheisme. Pantheisme terkandung di dalamnya konsep teologi ketuhanan dan juga kosmologi alam sejagat. Namun dalam kajian ini masih kurang membicarakan aspek tasawuf *Ibn 'Arabi*. Walaupun ada sedikit beliau mengaitkan ajaran *Ibn 'Arabi* berkait rapat dengan aliran Ibn Masarrh yang bersifat sufistik dan juga Ikhwan al-Safa, namun ianya sangat kurang dan masih banyak yang belum disentuh oleh beliau dalam aspek aspek tasawuf. Maka di sinilah kajian secara bersepadu diperlukan, suatu ruang kosong kajian untuk memasukkan aspek tasawuf yang mendalam di dalam sistem pemikiran *Ibn 'Arabi*.

Selanjutnya kajian yang berlainan hanya dalam konsep Tasawuf atau misticisme *Ibn 'Arabi* pula adalah buku "The Sufi Path of Knowledge: Ibn al-'Arabi's Metaphysics of Imagination" yang ditulis oleh William C. Chittick (1989). Beliau menyetujui pemikiran *Ibn 'Arabi* dalam aspek epistemologi ilmu bahawa pengetahuan boleh didapati melalui penyucian hati. Hati mampu mengetahui sesuatu tanpa menggunakan akal fikiran, rasional mahupun eksperimental yang selalunya dilakukan oleh ahli falsafah. Chittick mengklasifikasikan kajiannya tentang pemikiran *Ibn 'Arabi* dalam dunia metafizik yang di luar batasan minda dan akal. Apabila seseorang itu sangat rapat dan dekat dengan Tuhan, maka segalanya akan tersingkap, terbuka, dapat dirasa, dan dapat dialami melalui imaginasi dan pengalaman ekspresi.²⁴ Namun kajian ini hanya berkaitan epistemologi sahaja, tidak ada perbincangan berkenaan metodologi serta tasawuf yang mempunyai tariqat dalam mendapatkan ilmu. Maka sangat perlu untuk dikaji tentang dunia metodologi *Ibn 'Arabi* sehingga menemui haqiqat dan ma'rifat, malah ia harus dilanjutkan kerana wujud polarisasi ilmu antara minda (intelektual/fizikal) dan hati (emosional/spiritual), ia juga perlu

²⁴ William C. Chittick, *The Self-Disclosure of God: Principles of Ibn al-'Arabi's Cosmology* (Albany: SUNY). (T.tp: t.p., 1998).

penggabungan dalam metodologi pencarian ilmu dunia falsafah dan dunia tasawuf yang penting di dalam dunia fizik dan metafizik.

Cuma ada satu bacaan yang membicarakan kedua-duanya falsafah dan tasawuf dalam pemikiran *Ibn ʿArabi*. Iaitu kajian Franz Rosenthal yang membuat penulisan ilmiah berkenaan falsafah dan tasawuf *Ibn ʿArabi* yang bertajuk “*Ibn ʿArabi Between Philosophy And Mysticism*”. Kitab tersebut merupakan antara penulisan terbaik dalam menyentuh aspek kajian ini. Rosenthal melontar persoalan samaada *Ibn ʿArabi* ini adalah seorang ahli falsafah atau ahli tasawuf? Walaupun beliau ada memasukkan mengenai kedua-duanya terkandung di dalam pemikiran *Ibn ʿArabi*, namun beliau cenderung mengatakan *Ibn ʿArabi* adalah seorang ahli mistik. Namun kajian tersebut menyatakan *Ibn ʿArabi* lebih kepada tasawuf yang cuba berfalsafah. Kajian beliau masih terpisah dan tidak menyatakan ianya adalah sintesis yang bersepadu. Dalam kitab tersebut, beliau tidak menyatakan dukungan Al-Qurʿan dan Al-Sunnah yang menyokong falsafah dan tasawuf *Ibn ʿArabi*. Namun dalam penulisan ilmiah tersebut, beliau hanya menyatakan sebahagian pemikiran *Ibn ʿArabi* adalah mistik ketimuran arab. Ini bermakna ia lebih kepada mistik falsafah. Selain itu juga, beliau ada meneliti pendapat *Ibn ʿArabi* mengenai aspek falsafah namun ia klasifikasikannya sebagai hanyalah Gnosticisme monistik yang cenderung kepada dunia tasawuf semata-mata. Beliau menjelaskan bahawa falsafah dan tasawuf adalah jiran yang saling ziarah menziarahi antara satu dengan yang lain. Masing-masing mempunyai bidang perbincangan yang luas. Walaupun begitu ada beberapa aspek lagi yang tidak disentuh oleh beliau dalam sub-topik falsafah *Ibn ʿArabi* terhadap sufi dan begitu juga sufi *Ibn ʿArabi* terhadap falsafah. Namun Rosenthal juga tidak membincangkan aspek tasawuf tersebut kepada bidang shariʿat, haqiqat, tariqat dan maʿrifat yang mendasari ilmu tasawuf. Masih ada ruang yang kosong dalam kajian tersebut yang masih belum diterokainya iaitu tasawuf *Ibn ʿArabi*. Maka kajian lanjutan untuk memasukkan ilmu tasawuf yang terdiri aspek *shariʿat, haqiqat, tariqat dan maʿrifat* sangat perlu sekali.

Berkenaan dengan harus mengkaji penulisan *Ibn ʿArabi* ini secara berterusan, wujud organisasi yang mendukung hal ini. Malah dunia barat telah membuat satu organisasi “The Muhyiddin Ibn ʿArabi Society” untuk mengkaji pelbagai aspek dalam pemikiran *Ibn ʿArabi*.²⁵ Sehingga banyak jurnal-jurnal dan wacana ilmiah terhasil daripada pertubuhan organisasi tersebut. Selain daripada itu juga, Anga Publishing telah mewujudkan laman sesawang sebagai tempat kajian dalam tulisan *Ibn ʿArabi*.²⁶ Walaupun sebahagian tulisan ilmiah dalam organisasi ini cenderung kepada fahaman pantheisme, liberalisme dan pluralisme yang cuba dipopularkan oleh agenda barat, yang mengutamakan *Wahdat al-Wujud* untuk diketengahkan, namun masih banyak lagi rahsia-rahsia dari sudut-sudut lain yang positif yang harus diterokai di dalam buku-buku *Ibn ʿArabi*. Ini menunjukkan bahawa tulisan-tulisan *Ibn ʿArabi* itu begitu universal dan harus dikaji semula. Kajian susulan diperlukan untuk mengambil sebanyak mungkin khazanah yang boleh ditemui di dalam bait-bait tulisannya berkenaan falsafah dan tasawuf *Ibn ʿArabi*.

Berkenaan dengan peri-pentingnya kajian berkenaan falsafah dan tasawuf, maka perlu kajian berkenaan pemikiran *Ibn ʿArabi* ini apakah benar falsafah dan tasawuf dibincangkan di dalam kitabnya. Jikalau kita melihat masa kini, dunia barat mula mengkaji pemikiran beliau dalam aspek saintifik terutama dalam teknologi telepati, hal ini kerana kehidupan mistik *Ibn ʿArabi* ada berkaitan dengan hal tersebut. Ia juga mengambil pelbagai macam istilah daripada

²⁵ Institusi ini boleh didapati di laman sesawang <http://www.Ibnarabisociety.org/>

²⁶ Anga Publishing ini boleh didapati di laman sesawang <http://www.Ibn-arabi.com/aboutia.htm>

terminologi *Ibn ʿArabi* berkenaan masa yang bersifat relatif yang boleh direntasi, fahaman beliau sangat relevan dan sama dengan “teori mekanik kuantum” yang dipelopori oleh ilmu fizik kini.²⁷ Kajian ini perlu kerana ia adalah tafsiran semula makna yang implisit terkandung dibalik kata-kata beliau dalam dunia tasawuf. Ironinya lagi dalam aspek dunia tasawuf pula, apa yang menariknya di dunia barat kini, mereka mula meninggalkan dunia empirikal dan beralih kepada dunia misticisme dalam pencarian ilmu. Mereka mengatakan bahawa dunia fizik yang bersifat inderawi tidak dapat menemui kebenaran yang jitu. Ian Graeme Barbour (1923), seorang sarjana Amerika mengatakan bahawa dunia falsafah yang bersifat objektif hanya mampu menerokai dunia kecil, separa dan tidak abstrak tidak seperti pendekatan dunia agama melalui sufisme yang begitu subjektif, menyeluruh dan naturalisme.²⁸ Maka disinilah perlunya kajian mendalam terhadap persoalan tasawuf *Ibn ʿArabi* untuk menjadi salah satu cara untuk mencapai ilmu metafizik yang merupakan masalah kajian dalam penerokaan ini.

Kini, dunia barat yang maju dari aspek saintifik dan teknologinya pula mula mencari kaedah dan pendekatan baru dalam penerokaan ilmiah dari aspek tasawuf. Menurut Heisenberg, seorang pengkaji fizik tidak akan dapat menyatakan halatuju dan kedudukan setiap zarah yang dicerap secara serentak kerana kelemahan inderawi yang bersifat eksperimental. Hal ini kerana disebabkan gangguan mekanisme penyukatan cahaya yang sekaligus menunjukkan zarah elektron bergerak secara yang susah ditentukan kedudukannya. Oleh yang demikian, fenomena ini menunjukkan kegagalan dunia saintifik yang bersifat falsafah dan ia sebenarnya memerlukan dunia tasawuf untuk melengkapkan pencarian hakikat sebenar. Jikalau *Ibn ʿArabi* dikatakan kafir kerana berfalsafah dalam tasawuf, maka kenapa dunia kini cuba melihat tasawuf sebagai medan dalam pencarian ilmu? Apakah kerana dikatakan *Ibn ʿArabi* tergolong dalam tasawuf-falsafi, lantas orang menjauhi tasawuf ini? Maka dengan ini, perlulah kajian lanjutan untuk meneliti falsafah dan tasawuf *Ibn ʿArabi*

Lantaran kegagalan ujikaji saintifik itu terpaksa menghubungkan pengaruh metafizik yang terhimpun dalam tradisi agama melalui dunia sufi dan mana mana kepercayaan tradisi agama. Justeru tidak hairan jika kita melihat wujudnya kecenderungan di kalangan fizikawan untuk menyelesaikan ketidاكلengkapan fizik yang bersifat falsafah dengan menoleh kepada pengalaman agama, sepertimana yang dilakukan oleh *Ibn ʿArabi* dalam dunia sufistik.

Maka kajian berkenaan tasawuf *Ibn ʿArabi* sebagai seorang ahli tasawuf yang mementingkan alam rasa-inderawi sangat diperlukan untuk menjadi platform dalam pencarian ilmu dan haqiqat sebenar. Jauh daripada itu, kajian kepustakaan ini juga mendapati bahawa apa yang kita cari sebenarnya terkandung di dalam diri kita. Ini bermakna alam tasawuf yang bersifat rasa-pengalaman juga menemui apa yang ditemui oleh alam falsafah yang bersifat saintifik-inderawi. Morris Berman dalam “The Reenchantment of The World” mengatakan bahawa kesedaran kitalah (yakni perilaku fikiran kita) merupakan sebahagian daripada elemen yang menentukan hasil ujikaji dalam fizik kuantum. Ini bermakna terserah kepada kehendak kita, bagaimana mahu menerangkan sifat sesuatu objek yang sedang dicerap, sama ada ia bersifat zarah atau ia bersifat gelombang.²⁹

²⁷ Hakim Bey, *Quantum Mechanic & Chaos Theory (Anarchist Meditation On N.Herbert’s Quantum reality : Beyond The New Physic)* “My intuition says that Ibn Arabi might prove a goldmine to Quantum Theorists, but the “mingling of two oceans” conjured up by such an imagined confrontation would involve decades of hard labor to grasp & contain — & so I leave it to someone else to follow up”.

²⁸ Hal ini dijelaskan di dalam laman sesawang “The PBS Online Newhour May 28, 1999”. Retrieved 2008-06-30.

²⁹ Morris Berman, *The Reenchantment of the World* (T.tp: Cornell University Press. 1981).

Sehubungan dengan itu, Shahidan Radiman, dalam wacananya menjelaskan bahawa di antara dunia fizik dan dunia metafizik ada satu barzakh yang memisahkan. Dunia fizik telah berjaya dihurai oleh ahli falsafah kerana ia berkaitan dengan hukum inersia, jisim, jirim, supertali, membran, teori gravity, mekanik kuantum, teorem CP dan sebagainya. Namun masih gagal diterokai oleh ahli falsafah di dalam menyelesaikan topos theoretik, rahsia mimpi, alam rasa, telepati, teologi dan sebagainya. Dunia metafizik yang mendasari “intuitionistik/higher order logic” telah diterokai oleh ahli ahli sufi dalam bahasanya yang tersendiri di alam ghaib.³⁰ Maka ia memerlukan ilmu tasawuf setelah falsafah gagal memahaminya. Ia menyarankan kajian mendalam dalam pemikiran *Ibn ‘Arabi* dari aspek tasawuf.

Secara konklusinya, sepanjang kajian kepustakaan ini, pengkaji masih belum menemui satu karya tentang *Ibn ‘Arabi* dalam sintesis falsafah dan tasawuf secara tersusun dalam satu kitab. Malah tidak ada kajian yang membicarakan dukungan Al-Qur’an dan Al-Sunnah yang menyokong falsafah dan tasawuf beliau. Apa yang ada hanya membicarakannya secara terpisah. Ada juga yang perbahasan yang menyatukannya menjadi fahaman tasawuf-falsafi (speculative sufism). Namun ia masih dalam konteks bidang tasawuf. Kajian lanjutan ini adalah sebagai satu susunan lengkap dan cuba mengisi kekosongan yang ada tentang persoalan-persoalan kedua-dua bidang falsafah dan tasawuf yang mempunyai hujahan dan dukungan Al-Qur’an dan Al-Sunnah untuk meletakkan bahawa *Ibn ‘Arabi* adalah tasawuf sunni yang juga menggunakan falsafah (baca: hikmah) kerana ia juga salah satu tuntutan dalam ajaran Islam.

Penutup

Berdasarkan kepada penulisan dan kajian-kajian lepas, jelas menunjukkan rata-rata kajian terkini adalah berkenaan dengan pemikiran *Ibn ‘Arabi*. Kajian tersebut menjadi lebih menarik kerana wujud aliran yang pro dan kontra terhadap posisi *Ibn ‘Arabi*, sehinggakan ada yang menlabelkan beliau sebagai Sheikh al-Akbar, sebaliknya ada juga yang mengistiharkan beliau sebagai kafir. Masing-masing aliran pemikiran membuktikan hujah-hujah mereka dengan menggunakan tulisan-tulisan pemikiran *Ibn ‘Arabi*. Penulisan mereka juga lebih menyentuh skop yang lebih besar iaitu menyentuh bahasa-bahasa yang terlalu metafizik dalam menjelaskan pemikiran *Ibn ‘Arabi*. Ini memberi kesan ke atas kajian mereka apabila perbahasan mengenai apakah sebenarnya isu falsafah dan isu tasawuf tidak diterangkan secara terperinci. Oleh itu, untuk menampung segala kekurangan dan lompong-lompong tersebut, satu kajian akan pengkaji lakukan, ini bermakna kajian ini adalah lebih khusus dan terperinci mengenai apakah falsafah *Ibn ‘Arabi* dari aspek ontologi, epistemologi, metodologi dan juga aksiologi lantas menyatakan bahawa beliau ahli falsafah total atas dasar hanya menggunakan aspek falsafah di dalam mengungkapkan sesuatu hal. Demikian juga mengenai tasawuf *Ibn ‘Arabi* dari aspek shari‘at, haqiqat, tariqat dan ma‘rifat untuk menyatakan bahawa beliau merupakan seorang tokoh tasawuf-sunni yang hakiki yang tidak terkeluar dari landasan Islam yang sebenar. Kajian ini akan cuba untuk membawa kedua-dua bidang tersebut iaitu falsafah dan tasawuf *Ibn ‘Arabi*. Kemudian kajian ini mengupas bahawa kedua-duanya mempunyai dasar dan dalil hujahan di dalam Al-Qur’an dan Al-Sunnah untuk menyatakan bahawa *Ibn ‘Arabi* merupakan ilmuan Islam yang membincangkan secara

³⁰ Wacana Hadhari Isnin 14 Julai 2008 , Bilik Mesyuarat Fakulti Sains dan Teknologi , UKM anjuran Institut Islam Hadhari , UKM (Kertas Deraf) , Fizik dan Metafizik: Jembatan Yang Dihurai oleh Sufisme dan Mekanik Kuantum.

bersepadu ilmu falsafah dan tasawuf lantas mengangkatnya sebagai tokoh ulama' yang harus dipegang sepanjang zaman.

Rujukan

- Affifi. *A History of Muslim Philosophy*. Columbia University Press.
- David Nachmias. *Research Methods in the Social Sciences*. Second Edition. New York: St. Martin's Press New York, 1982.
- Fakhry. *Encyclopedia of Islam*. New ed. S.v. T.tp: t.p., t.t.
- H.Russell Betrand. *Data Management & Analysis Method*. Ed. Norman K.Denzin & Yvonna S. Lincon. London: Sage Publication, 2003.
- Hakim Bey, *Quantum Mechanic & Chaos Theory (Anarchist Meditation on N.Herbert's Quantum reality: Beyond the New Physic*
- Ibrahim Hamed Hasan Abu Sualik. *Insan Kamil Menurut Al-Jili: Kajian Akidah dan Kritikan Menurut Al-Quran & Sunah*. Bangi: Jabatan Usuluddin UKM, 2009.
- Institut Ibn 'Arabi Society ini boleh didapati di laman sesawang <http://www.Ibnarabisociety.org/>
- Mohammed Haj Yousef. *Ibn 'Arabi - Time & Cosmology*. t.tp: Routledge Taylor & Francis Group, 2000.
- Mohammed Haj Yousef. *Ibn 'Arabi-Time & Cosmology*. T.tp: Routledge Taylor & Francis Group, 2000.
- Morris Berman. *The Reenchantment of the World*. T.tp: Cornell University Press, 1981.
- Norman Blaikie. *Designing Social Research*. 4 Edition. T.tp: Blackwell Publishing Ltd. 2004.
- William C. Chittick. *The Self-Disclosure of God: Principles of Ibn al-°Arabi's Cosmology (Albany: SUNY)*. T.tp: t.p., 1998.
- William C. Chittick. *The Self-Disclosure of God: Principles of Ibn al-°Arabi's Cosmology (Albany: SUNY)*. T.tp: t.p., 1998.
- Zakaria Stapa. *Wahdat al-Wujud: Suatu Analisa Terhadap Sudut Pandang Ibn 'Arabi*. Bangi: Jabatan Usuluddin UKM, 1979.